

DR M MAHU SAYA KE LUAR NEGARA

HM 1/11/2003 - 5 PRECISE

DR Mahathir sebenarnya seorang yang cermat, tidak boros. Amat gemar membaca. Malah, saya tidak pernah jumpa seorang pemimpin Melayu yang terajui negara begitu taksub dengan pendidikan bangsa.

Selama saya kenal beliau, marah atau tidak sama saja. Dr Mahathir ni bukan sekadar menerima, malah beliau juga pandai memberi apabila perlu.

Beliau sebenarnya kawan yang setia dan mengengang budi. Kami adalah 'good friends'.

Saya mengenali Dr Mahathir pada 1964, ketika itu saya sebagai setiausaha politik dan setiausaha akhbar kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak (ketika itu) yang mengarahkan saya ke Alor Star, Kedah bagi mendekati cendekiawan Melayu yang radikal.

Di sana, cendekiawan Melayu pertama yang saya temui ialah Dr Mahathir.

Sebelum itu, saya hanya mengetahui nama Dr Mahathir kerana beliau adalah orang yang lantang menentang Anglo-Malayan Defence Agreement (AMD) iaitu syarat kemerdekaan dikenakan British bagi menjalinkan hubungan pertahanan dengan negara itu pada 1957.

Perkenalan ini berterusan sama ada beliau di luar Umno (Dr Mahathir pernah di buang keahliannya oleh Tunku Abdul Rahman Putra) atau dalam Umno dan sehinggalah beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran dan kemudian Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri.

Waktu saya menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ahli

Majlis Tertinggi Umno, Dr Mahathir mencadangkan kepada saya agar ber-cuti dan keluar negara sebaik mengetahui ada ura-ura saya akan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Malah, selepas Tun Razak kembali ke rahmatullah secara mengejut dan Dr Mahathir dilantik Timbalan Perdana Menteri, beliau cadangkan kepada saya bercuti ke luar negara.

Menteri Dalam Negeri adalah Tan Sri Ghazali Shafie.

Kata Dr Mahathir pada saya: 'You keluar (dari Malaysia), ambil cuti dan toksah balik'.

Dr Mahathir kata lebih baik saya duduk di luar negara kerana saya tidak boleh ditahan bawah ISA ketika berada di luar negara. Tapi, saya tolak. Saya katakan padanya, biarlah saya kena tahan.

Tapi, sebelum itu dalam bulan Ramadan tahun 1976, saya sebenarnya sudah pun tahu

akan ditahan mengikut ISA.

Ketika itu, Dr Mahathir (Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran); Tengku Razaleigh Hamzah (Pengerusi Petronas dan Bank Bumiputra), Ghafar Baba (kini Tun) dan Abdul Rahman Yaakob (kini Tun - Ketua Menteri Sarawak ketika itu) berbuka puasa di rumah saya, di Bukit Petaling (belakang Istana Negara dan kini pejabat Pesuruhjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang-Orang

Pelarian atau UNHCR).

Malam itu, selepas berbuka puasa, Dr Mahathir berseloroh dengan saya, 'Lah, inilah kali akhir I, Leigh, Rahman dan Ghafar berbuka puasa dengan you.'

'Selepas ini, you berbuka puasa dalam tahananlah'. Saya kemudian berkata 'Saya tahu'. Selepas itu, dari 1977 hingga 1981, saya berbuka puasa dalam tahanan di Kuala Lumpur (Jalan Tembok) dan di Kamunting.

Saya ditahan mengikut ISA

KETUA Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, 66, adalah antara kenalan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada hujan atau panas dan sama ada dalam politik atau di luar kerjaya politik.

Ikuti temubual Abdullah dengan wartawan Munir Ana'am Zuljadan dan Yusri Abdul Malek serta jurugambar Ahmad Irahim Mohd Noor mengenai semangat setia kawan Dr Mahathir sepanjang 39 tahun persahabatan mereka.

ABDULLAH menegaskan 'You tahu tak...'



Bab Khas
PEMIMPIN TERBILANG
SEMPENA PERSARAAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI PERDANA MENTERI
DIBAWA KHAS OLEH
BANK RAKYAT



ABDULLAH dan Dr Mahathir di depan Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, pada tahun 2001.

Kassim Ahmad (Presiden Parti Rakyat waktu itu) serta 25 orang lagi tahanan ISA yang lain pada 30 Julai 1981 iaitu sehari sebelum umat Islam menyambut Aidiladha.

Selepas dibebaskan daripada ISA, saya didatangi Daim Zainuddin (Tun) dan Khalid Abdullah (Tan Sri) di Alor Star, pada Hari Raya Haji. Selain beraya, mereka juga membawa utusan Dr Mahathir.

Saya berjumpa Dr Mahathir. Pada pertemuan itu, saya bersama isteri dan Dr Mahathir bersama isterinya.

Kami minum petang di kediaman rasmi Perdana Menteri ketika itu, di Bukit Tunku. Dr Mahathir mahu saya ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran.

Kata Dr Mahathir pada saya 'You go. You have everything, kecuali paper qualifications. Lagi pun sekarang ni keadaan susah nak giat politik. Masih ramai yang dendam dengan you.'

Saya pun ikut nasihatnya dan melanjutkan pelajaran

ke Universiti Cambridge dan Harvard.

Sebaik pulang ke tanah air saya bergiat balik dalam politik dan memenangi kerusi Parlimen Kok Lanas pada pilihan raya 1986.

Tetapi pada pilihan raya 1990, saya kalah seperti mana semua calon Umno di Kelantan tumpas akibat kongsi politik Pas dan Semangat 46.

Kemudian, saya melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Malaysia sebelum diminta Dr Mahathir menjadi wakil khas Malaysia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York menggantikan Musa Hitam (Tan Sri) pada 1 Mei 1996 hingga 1 Mei 2000.

Selepas itu, tuan punya The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) menawarkan saya jawatan Pengarah Eksekutif NSTP dan kemudian Ketua Pengarang Kumpulan merangkap Pengarah Eksekutif NSTP sehingga sekarang.



MASIH KUKUH...rumah kerajaan untuk menteri yang pernah diduduki Abdullah di 570, Bukit Petaling, kini pejabat UNHCR. Di sinilah beliau diambil 18 orang pegawai Special Branch (Cawangan Khas) dengan beberapa konvoi kereta khas dari Bukit Aman.